



14 AUG, 2026

MNHB terima kontrak RM71.02 juta dari TNB



Utusan Malaysia, Malaysia

MNHB
terima
kontrak
RM71.02
juta dari
TNB

PETALING JAYA: MN Holdings Bhd. (MNHB), menerusi anak syarikat milik penuhnya, MN Power Transmission Sdn. Bhd. (MNPT) memperoleh kontrak bernilai RM71.02 juta daripada Tenaga Nasional Bhd (TNB) bagi pembinaan pencawang masuk utama (PMU) 132/33kV Blue Valley di Cameron Highlands, Pahang.

Dalam makluman di Bursa Malaysia, MNHB berkata, kontrak itu diterima menerusi surat anugerah bertarikh 12 Ogos 2026 melibatkan pembinaan PMU 132/33kV Blue Valley berkapasiti 2x45 Mega Volt-Amperes (MVA).

“Skop kerja merangkumi pembekalan, pendirian, pemasangan, pengujian dan penauliahan PMU baharu dengan susunan palang bas berkembar, termasuk peralatan utama, sekunder serta semua kerja awam berkaitan.

“Kontrak itu berkuat kuasa mulai 12 Ogos 2026 dengan tempoh pelaksanaan selama 900 hari dari tarikh permulaan kerja,” ujarnya.

Menurutnya, MNPT turut dikehendaki menyediakan jaminan pelaksanaan sebanyak RM3.551 juta, bersamaan lima peratus daripada nilai kontrak, dalam tempoh 56 hari dari tarikh kontrak berkuat kuasa.

“Kontrak berkenaan tidak memberi kesan terhadap modal saham terbitan atau pegangan pemegang saham utama syarikat.

“Selain itu, kontrak itu dijangka memberi sumbangan positif kepada pendapatan masa depan dan aset bersih sesaham MNHB selepas pelaksanaannya bermula.

“Kontrak itu tidak tertakluk kepada kelulusan pemegang saham MNHB dan/atau mana-mana pihak berkuasa kawal selia berkaitan,” jelasnya.